

KEMERDEKAAN MELAKSANAKAN BERBARIS TUJUAN Amanat Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin — Kemerdekaan adalah satu nikmat yang istimewa dan setiap rakyat bertanggungjawab memelihara dan memperkukuhkan kemerdekaan dengan cara melengkapkan diri dengan segala ilmu dan kecakapan serta mengukuhkan lagi ketahanan negara.

"Kita mahu kemerdekaan yang tulen, yang tidak boleh dipertainkan oleh sesiapa, baik dalam apa bidang pun. Kita mempunyai kepuyaan mempertahankan kemerdekaan kita."

Demikian amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dalam perutusan Hari Kebangsaan ke-20 menerusi Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

"Kita tidak mahu melihat negara ini merdeka dari segi lambang dan bendera sahaja," tegas Perdana Menteri lagi.

Justeru itu, katanya, kerajaan mendasak rakyat supaya menguasai ilmu dan kecakapan, bekerja kuat dan mencari kekayaan semata-mata kerana sayang dan bertanggungjawab terhadap kemerdekaan negara.

Perdana Menteri mengingati rakyat, setelah 25 tahun negara merdeka, Malaysia munculi sebagai sebuah negara yang maju dan bersatu padu walaupun dalam tempoh tersebut berbagai-bagai pancerai terpaksa ditampung.

"Tempoh 25 tahun yang telah kita lalui membuktikan bahawa

sistem pentadbiran, politik, ekonomi dan sosial di negara ini dapat menjamin kesempurnaan rakyat dan negara.

"Sistem yang ada berdasarkan kepada undang-undang yang dilaksanakan kepada peranan bertanggungjawab, perancangan dan toleransi, iaitu nilai-nilai tinggi yang diadai oleh agama dan masyarakat manusia yang bertamadun tinggi," jelasnya.

Begaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan, ada pihak-pihak tertentu yang mahu melihat kemerdekaan negara ini hancur atas alasan Malaysia sebuah negara berbilang bangsa dan keturunan.

"Sebagai iblis yang sentiasa menghasut ke arah kemunggaran dan kekhancuran, mereka sentiasa membangkitkan dan mengaplikasikan sifat semulajadi manusia, iaitu sifat tamak, iri hati dan curiga di antara keturunan dengan harapan agar negara ini hancur tercapai," katanya.

Perdana Menteri menekankan, golongan yang disifatkan sebagai 'iblis' itu tidak akan berhenti dari menghasut dan mengexploitasi kurang fahaman dan kejahilan setengah pihak, dan meracuni fikiran rakyat segenap lapisan dengan berbagai-bagai cara.

"Muslihat dan strategi mereka ialah menggunakan rakyat untuk menghancurkan negara," jelas beliau.

"Mekah kira-kira 60 peratus rakyat Malaysia yang tidak pernah hidup dijajah, Datuk Seri Dr. Mahathir berharap mereka tidak mengangap perayaan ulang tahun kemerdekaan sebagai perkara biasa tanpa makna.

Katanya, anggapan ini amat berbahaya dan generasi yang beranggapan demikian harus

sedar bagaimanakah penderitaan rakyat Palestin, Afghanistan dan Kampuchea yang berperang bermati-matian kerana kehilangan kemerdekaan.

Oleh itu, pada hari kita merayakan 25 tahun kemerdekaan ini, insaf dan bersyukur tentang nasib baik kita.

"Generasi lama memperjuangkan kemerdekaan dan generasi baru bertanggungjawab memelihara dan meningkatkan kemerdekaan," tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri lagi, pemimpin-pemimpin negara yang lepas banyak berjasa kepada negara terutama yang mempelopori asas-asas pembangunan dan kestabilan negara.

Katanya, kesanggupan mereka mematuhi prinsip-prinsip demokrasi dan kerelaan mengundurkan diri menentukan peralihan kuasa berlaku dengan tenang, merupakan kejayaan terbesar ke arah kestabilan politik negara.

Begaimanapun, tambahnya, bukan semua yang berlaku 25 tahun itu boleh dibanggakan kerana peperangan melawan komunis belum selesai dan perpaduan kaum masih belum di tahap yang dikhendaki.

Sebagai ingatannya, Perdana Menteri berharap rakyat tidak lupa daratan atau lalai dan janganlah mengundurkan minat dan usaha dalam perjuangan menajayakan negara ini.

Bagi meneruskan perjuangan ini, katanya, kerajaan tidak pernah khayal dengan kejayaan yang telah dicapai.

"Sebab itulah sepanjang masa kerajaan mementingkan analisis keadaan dalam negara, membentuk dasar, serta mengambil tindakan untuk menentukan Malaysia bukan sahaja terus aman, tetapi bertambah bahagia," tegas beliau.

Berbaris megah dengan penuh azam

SEGAK DAN KEMAS, sama melangkah memegang bendera Merdeka Malaysia, sekumpulan bella dari Pusat Latihan Bella Dusun Tua dengan lambang 25 Tahun Kemerdekaan negara di dada masing-masing, membuktikan keazaman untuk terus bergiat maju.

Mereka dan 25,000 rakyat berbilang bangsa dan keturunan turut berkumpul di ibu negara menyertai perarakan raksasa menyambut perayaan jubli perak kemerdekaan negara tercinta.

Seri Paduka Baginda Yang di-Perluaskan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalannya, Datuk Musa Hitam, menteri-menteri dan semua perwakilannya, menyaksikan upacara gilang-gilang di Padang Kelab Selangor.



No. Siri 66 83
No. Penerbitan 7000